



Pilih jawapan yang paling tepat.

10.1

Pembentukan Malaysia

• Halaman Buku Teks: 2 – 15 •

1. Siapakah yang mengumumkan Gagasan Persekutuan Malaysia di Singapura?
 - A Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
 - B Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein
 - C Tun Muhammad Ghazali bin Shafie
 - D Tun Datu Mustapha bin Datu Harun
2. Mengapakan keselamatan negara diberi perhatian?
 - A Rusuhan kaum
 - B Serangan lanun
 - C Penjajahan British
 - D Ancaman komunis
3. Selain faktor keselamatan, apakah faktor lain yang menyebabkan Tunku mencadangkan supaya Persekutuan Malaysia dibentuk?
 - A Dasar pecah dan perintah
 - B Kemajuan perdagangan
 - C Keseimbangan kaum
 - D Galakan pelaburan
4. Apakah kesan daripada kemajuan sosioekonomi?
 - A Taraf hidup rakyat meningkat
 - B Kemakmuran tergugat
 - C Keseimbangan kaum
 - D Perebutan kuasa
5. Mengapakah Persekutuan Tanah Melayu dianggap dapat membantu membanteras perkembangan komunis di Singapura dan Sarawak?
 - A Berpengalaman menghadapi ancaman komunis
 - B Mendapat sokongan British
 - C Berdekatan dengan Singapura
 - D Kerjasama erat dengan Sarawak
6. Mengapakah Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) dibentuk pada Januari 1962?
 - A Menggubal perlembagaan baharu
 - B Meninjau pendapat penduduk Sarawak dan Sabah
 - C Memberi penerangan tentang pembentukan Malaysia
 - D Menjamin kepentingan penduduk bumiputera Sarawak dan Sabah
7. Organisasi yang manakah dipertanggungjawabkan untuk menilai reaksi penduduk Sarawak dan Sabah dalam persekutuan Malaysia?
 - A Lee Kuan Yew
 - B Tunku Abdul Rahman
 - C Suruhanjaya Cobbold
 - D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM)
8. Siapakah pemimpin yang dilantik menjadi anggota dalam Suruhanjaya Cobbold?
 - A Lew Kuan Yew
 - B Tan Sri Datuk Amar Ong Kee Hui
 - C Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
 - D Tun Muhammad Ghazali bin Shafie
9. Bagaimanakah pemimpin Singapura mengenal pasti persetujuan rakyatnya untuk menyertai Malaysia?
 - A Menubuhkan parti politik
 - B Mengadakan referendum
 - C Tinjauan Suruhanjaya PBB
 - D Tinjauan Suruhanjaya Cobbold
10. Bagaimanakah pertikaian antara Indonesia dan Filipina mengenai pembentukan Malaysia berjaya diatasi?
 - A Referendum
 - B Suruhanjaya Cobbold
 - C Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
 - D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia